# SENARAI WARTA PEMBATALAN/LARANGAN/PENYEBARAN AJARAN YANG TIDAK DIBENARKAN

| BIL | NAMA AJARAN/LARANGAN | TARIKH SIARAN WARTA |
|---|---|---|
| 1 | AJARAN SUHAINI BIN MOHAMMAD | 29 JUN 2023 |
| 2 | AJARAN MASITAH BINTI AB JALAR @ KUMPULAN PERJALANAN MIMPI YANG TERAKHIR (PMYT) | 29 JUN 2023 |
| 3 | AJARAN ASMAUL HUSNA @ AJARAN DR. WAN MASERI | 29 JUN 2023 |
| 4 | AJARAN MAKRIFAT ISMAIL BIN ARIFFIN@LEPAT | 29 JUN 2023 |
| 5 | AJARAN KUMPULAN NUR MUTIARA MUTMAINNAH PIMPINAN WAYANG HADI KESUMO (HADI MINALLAH) | 29 JUN 2023 |
| 6 | AJARAN IRWAN BIN ALIAS | 29 JUN 2023 |
| 7 | AJARAN YUSOF CHE WOK | 21 JANUARI 2021 |
| 8 | AJARAN ISMAIL BIN KASSIM @ PERTUBUHAN RAHMATAN LIL ALAMIN (PERAHMAT) | 1 FEBRUARI 2018 |
| 9 | TAREKAT AT TIJANI | 16 MAC 2017 |

| | | |
|---|---|---|
| 10 | AJARAN MILLAH ABRAHAM @ IBRAHIM | 19 JANUARI 2017 |
| 11 | AJARAN HARUN BIN MAT SAAT | 30 JANUARI 2014 |
| 12 | LARANGAN MENGGUNAKAN PERKATAAN (KALIMAH) ALLAH ATAU LAIN LAIN PERKATAAN DALAM AGAMA ISLAM OLEH ORANG BUKAN ISLAM | 12 SEPTEMBER 2013 |
| 13 | PEMBATALAN TITAH JUDI | 17 OGOS 2017 |

NEGERI PAHANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

**Jil. 76** **29hb Jun 2023** **No. 26**

ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM 1991

**No. 1217.**

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 36

Fatwa yang dinyatakan dalam Jadual yang dibuat oleh Mufti Negeri di bawah subseksyen 36(1) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 [*Enakmen No. 3 tahun 1991*] setelah diluluskan oleh Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak menurut subseksyen 39(6) Enakmen itu adalah disiarkan menurut subseksyen 36(2) Enakmen itu:

JADUAL

AJARAN YANG DIBAWA OLEH SUHAINI BIN MOHAMMAD

1. Ajaran yang dibawa oleh Suhaini bin Mohammad hendaklah segera disekat keseluruhannya daripada disebarkan kepada umat Islam di negara ini kerana menyeleweng daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

2. Mana-mana orang Islam adalah dilarang untuk berpegang, beramal atau terlibat dengan ajaran ini. Mereka yang telah mengamalkan ajaran ini hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan daripada Allah SWT.

3. Penyebaran ajaran ini hendaklah diambil tindakan sewajarnya berdasarkan peruntukan enakmen sedia ada kerana ajaran ini terbukti menyeleweng seperti berikut:

    i. Ketuhanan: berpegang dengan fahaman bahawa Nabi Muhammad SAW itu adalah Tuhan;

    ii. Kenabian: berpegang dengan fahaman bahawa Nabi Muhammad SAW tidak berjantina dan tiada alat kelamin;

iii. Menyelewengkan tafsir al-Quran: menghuraikan makna ayat al-Quran tanpa merujuk tafsir muktabar;

iv. Penyelewengan sumber: meriwayat dan mereka hadis palsu untuk menyokong fahaman yang dibawa; dan

v. Penipuan mengenai khasiat air dan botol "Si Hulk" dengan mengeksploitasi ayat-ayat al-Quran.

Bertarikh 15 Jun 2023
[JMNP: C FT 351/600/59 Jld. 2]

DATO' SRI DR. HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI OSMAN
*Mufti Negeri Pahang*

**اينكمن ڤنتدبيرن اوندڠ٢ إسلام 1991**
**فتوى دباوه سيكشن 36**

فتوى يڠ دڤاتاكن دالم جدوال يڠ دبوات اوليه مفتي نڬري دباوه سوبسيكشن 36(1) اينكمن ڤنتدبيرن اونداڠ-اونداڠ إسلام 1991 [اينكمن نومبور3 تاهو ن 1991] ستله دلولوسكن اوليه جاوتنكواس ڤرونديڠن حكوم شرع منوروت سوبسيكشن 39(6) اينكمن ايت اداله دسياركن منوروت سوبسيكشن 36(2) اينكمن ايت:

جدوال

اجرن يڠ دباوا اوليه سوهاءيني بن محمد

1. اجرن يڠ دباوا اوليه سوهاءيني بن محمد هندقله سڬرا دسكت كسلوروهنڽ درڤد دسيبركن كڤد اومت إسلام دنڬارا اين كران مڤليويڠ درڤد ڤڬڠن أهلي السنة والجماعة.

2. مان٢ اورڠ إسلام اداله دلارڠ برڤڬڠ، برعمل اتاو ترليبت دڠن اجرن اين. مريک يڠ تله مڠعملكن اجرن اين هندقله سڬرا برتوبة سرتا مموهون كأمڤونن درڤد الله سبحانه وتعالى.

3. ڤيبارن اجرن اين هندقله دأمبيل تيندقن سواجرڽ برداسركن ڤراونتوقن اينكمن سديا اد كران اجرن اين تربوقتي مڤليويڠ سڤرتي يڠ برايكوت:

i. كتوهنن : برڤڬڠ دڠن فهمن بهاوا نبي محمد صلى الله عليه وسلم ايت اداله توهن؛

ii. كنبين: برڤڬڠ دڠن فهمن بهاوا نبي محمد صلى الله عليه وسلم تيدق برجنتينا دان تياد الت كلامين؛

iii. مڤليويڠكن تفسير القرءان :مڠهورايكن معنا اية القرءان تنڤا مرجوع تفسير معتبر؛

iv. ڤڽليويڠن سومبر : مريوايت دان مريک حديث ڤلسو اونتوق مڽوكوڠ فهمن يڠ دباو؛ دان

v. ڤنيڤوان مڠناءي خاصيت اءير دان بوتول "Si Hulk" دڠن مڠيكسڤلوءيتاسيكن اية٢ القرءان.

برتاريخ ڤد 15 Jun 2023
[JMNP: C FT 351/600/59 Jld. 2]

داتؤ سري دوكتور حاج عبد الرحمن بن حاج عثمان
مفتي نڬري ڤهڠ

**No. 1218.**

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 36

Fatwa yang dinyatakan dalam Jadual yang dibuat oleh Mufti Negeri di bawah subseksyen 36(1) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 [*Enakmen No. 3 tahun 1991*] setelah diluluskan oleh Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak menurut subseksyen 39(6) Enakmen itu adalah disiarkan menurut subseksyen 36(2) Enakmen itu:

JADUAL

AJARAN YANG DIBAWA OLEH MASITAH BINTI AB JALAR @ KUMPULAN PERJALANAN MIMPI YANG TERAKHIR (PMYT)

1. Ajaran yang dibawa oleh Masitah binti Ab Jalar @ Kumpulan Perjalanan Mimpi Yang Terakhir (PMYT) ini jelas mempunyai unsur-unsur penyelewengan akidah serta boleh menggugat keselamatan negara. Unsur-unsur penyelewengan tersebut antaranya adalah seperti berikut:

   i. Perjalanan Mimpi Yang Terakhir (PMYT) termasuk dalam kategori al-Hulm yang berpunca daripada syaitan;

   ii. Ijmak ulama menyatakan bahawa mimpi selain daripada mimpi anbiya tidak boleh dijadikan hujah/sumber dalam Hukum Syarak sama ada dalam akidah mahu pun syarak;

   iii. Penilaian kebenaran sesuatu mimpi bergantung kepada sejauh mana ianya bertepatan dengan Hukum Syarak. Oleh itu, sebarang dakwaan yang bercanggah dengan Hukum Syarak berasaskan mimpi adalah satu penyelewengan daripada syariat Islam dan tertolak. Ini termasuklah dakwaan-dakwaan Masitah binti Ab Jalar dalam ajaran Kumpulan Perjalanan Mimpi Yang Terakhir (PMYT) seperti berikut:

      a. Menyamakan Allah SWT dengan makhlukNya yang mendakwa bahawa Allah SWT berjisim. Ini bercanggah dengan firman Allah dalam surah al-Ikhlas bahawa Allah SWT tidak sama dengan makhluk dan dakwaan sebegini merupakan suatu perbuatan syirik yang boleh membawa kepada murtad;

      b. Mengaku menerima wahyu dengan mendakwa bahawa Allah SWT memerintah kepada Masitah Ab Jalar untuk memegang bahu Rasulullah SAW sebagai syarat untuk mengeluarkan ahli keluarganya daripada neraka. Ini bercanggah dengan akidah Islam bahawa tiada lagi wahyu turun kepada sesiapa pun selepas Rasulullah SAW;

c. Dakwaan mengetahui perkara-perkara ghaib. Ini bercanggah dengan firman Allah dalam Surah Luqman, ayat 34 yang menyatakan bahawa hanya Allah SWT sahaja yang mengetahui perkara ghaib; dan

d. Pendustaan terhadap Allah SWT dengan mendakwa Allah SWT akan mengampunkan umat Muhammad disebabkan Masitah. Para ulama ijmak mengatakan bahawa pendustaan terhadap Allah SWT adalah suatu dosa besar yang boleh membawa kepada kekufuran.

2. Kumpulan ini boleh menimbulkan ancaman kepada keselamatan negara dan keharmonian masyarakat dengan meramalkan akan berlakunya perang dunia ketiga serta mengarahkan pengikutnya membentuk satu pasukan ketenteraan untuk mencari Imam Mahdi dan berbaiah dengan baginda yang kononnya bagi melawan semula musuh yang menyerang negara.

3. Mana-mana orang Islam adalah dilarang berpegang, beramal atau terlibat dengan ajaran Masitah binti Ab Jalar @ Kumpulan Perjalanan Mimpi Yang Terakhir (PMYT) serta mana-mana ajaran yang seumpama dengannya. Mereka yang telah mengamalkan fahaman dan ajaran ini atau yang seumpama dengannya hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan daripada Allah SWT.

4. Pihak berkuasa keselamatan dan pihak berkuasa agama perlu mengambil tindakan bersepadu untuk membendung kumpulan ini daripada terus merosakkan akidah umat Islam dan mengancam keselamatan negara.

Bertarikh 15 Jun 2023
[JMNP: C FT 351/600/59 Jld. 2]

DATO' SRI DR. HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI OSMAN
*Mufti Negeri Pahang*

PNMB

## اينكمن ڤنتدبيرن اوندڠ٢ إسلام 1991
## فتوى دباوه سيكشن 36

فتوى يڠ دڤاتاكن دالم جدوال يڠ دبوات اوليه مفتي نڬري دباوه سوبسيكشن 36(1) اينكمن ڤنتدبيرن اونداڠ-اونداڠ إسلام 1991 [اينكمن نومبور3 تاهو ن 1991] ستله دلولوسكن اوليه جاوتنكواس ڤروندیڠن حكوم شرع منوروت سوبسيكشن 39(6) اينكمن ايت اداله دسياركن منوروت سوبسيكشن 36(2) اينكمن ايت:

جدوال

اجرن يڠ دباوا اوليه مسيته بنت عبد الجالر @ كومڤولن ڤرجالنن ميمڤي يڠ تراخير(PMYT)

1. اجرن يڠ دباوا اوليه مسيته بنت عبد الجالر@ كومڤولن ڤرجالنن ميمڤي يڠ تراخير(PMYT) اين جلس ممڤوڽاءي عنصور٢ ڤڽليويڠن عقيدة سرتا بوليه مڠݢوڬت كسلامتن نڬارا. عنصور٢ ڤڽليويڠن ترسبوت انتاراڽ اداله سڤرتي برايكوت:

i. ڤرجالنن ميمڤي يڠ تراخير(PMYT) ترماسوق دالم كاتݢوري الهم يڠ برڤونچا درڤد شيطان؛

ii. إجماع علماء مڽاتاكن بهاوا ميمڤي سلاين درڤد ميمڤي ڤارا أنبياء تيدق بوليه دجاديكن حجه/ سومبر دالم حكوم شرع سام اد دالم عقيدة ماهوڤون شرع؛

iii. ڤنيلاءيان كبنرن سسواتو ميمڤي برݢنتوڠ كڤد سجاءوه مان اياڽ برتڤتن دڠن حكوم شرع. اوليه ايت سبارڠ دعواءن يڠ برچڠه دڠن شرع براساسكن ميمڤي اداله ساتو ڤڽليويڠن درڤد شريعة إسلام دان ترتولق. اين ترماسوقله دعواءن٢ مسيته بنت عبد الجالر دالم اجرن كومڤولن ڤرجالنن ميمڤي يڠ تراخير(PMYT) سڤرتي برايكوت:

a. مڽامكن الله سبحانه وتعالى دڠن مخلوقڽ يڠ مندعوا بهاوا الله سبحانه وتعالى برجيسيم. اين برچڠه دڠن فرمان الله دالم سورة الإخلاص بهاوا الله تيدق سام دڠن مخلوق دان دعواءن سبݢيني مروڤاكن سواتو ڤربواتن شرك يڠ بوليه ممباوا كڤد مرتد؛

b. مڠاكو منريما وحي دڠن مندعوا بهاوا الله سبحانه وتعالى ممرينتهكن كڤد مسيته بنت عبد الجالر اونتوق ممكڠ باهو رسول الله صلى الله عليه وسلم سباݢاي شرط اونتوق مڠلواركن اهلي كلواركڽ درڤد نراك. اين برچڠه دڠن عقيدة إسلام بهاوا تياد لاݢي وحي تورون كڤد سسياڤا ڤون سلڤس رسول الله صلى الله عليه وسلم؛

c. دعواءن مڠتاهوي ڤركارا٢ غاءيب. اين برچڠه دڠن فرمان الله دالم سورة لقمان، اية 34 يڠ مڽاتاكن بهاوا هاڽ الله سبحانه وتعالى سهاج يڠ مڠتاهوي ڤركارا غاءيب؛ دان

d. ڤندوستاءن ترهادڤ الله سبحانه وتعلى دڠن مندعوا الله سبحانه وتعالى اكن مڠمڤونكن اومت محمد دسببكن مسيته. ڤارا علماء اجماع مڠاتكن بهاوا ڤندوستاءن ترهادڤ الله سبحانه وتعالى اداله سواتو دوسا بسر يڠ بوليه ممباوا كڤد ككوفورن.

2. كومڤولن اين بوليه منيمبولكن انچمن كڤد كسلامتن نڬارا دان كهرمونيان مشاركت دڠن مراملكن اكن برلاكوڽ ڤراڠ دنيا كتيك سرتا مڠارهكن ڤڠيكوتڽ ممبنتوق ساتو ڤاسوكن كتنترأن اونتوق منچاري امام مهدي دان بربيعة دڠن بݢيندا يڠ كونونڽ باݢي ملاوان سمولا موسوه يڠ مڽرڠ نڬارا.

3. مان٢ اورغ إسلام اداله دلارغ برڤڬڠ، برعمل اتاو ترليبت دڠن اجرن مسيته بنت عبد الجالر @ كومڤولن ڤرجالنن ميمڤي يڠ تراخير (PMYT) سرتا مان٢ اجرن يڠ سأومڤام دڠنڽ. مريك يڠ تله مڠعملكن اجرن اين اتاو يڠ سأومڤام دڠنڽ هندقله سڬرا برتوبة سرتا مموهون كامڤونن درڤد الله سبحانه وتعالى.

4. ڤيهق بركواس كسلامتن دان ڤيهق بركواس اڬام ڤرلو مڠمبيل تيندقن برسڤادو اونتوق ممبندوڠ كومڤولن اين درڤد تروس مروسقكن عقيدة اومت إسلام دان مڠنچم كسلامتن نڬارا.

برتاريخ ڤد 15 Jun 2023
[JMNP: C FT 351/600/59 Jld. 2]

داتوْ سري دوكتور حاج عبد الرحمن بن حاج عثمان
مفتي نڬري ڤهڠ

**No. 1219.**

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 36

Fatwa yang dinyatakan dalam Jadual yang dibuat oleh Mufti Negeri di bawah subseksyen 36(1) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 [*Enakmen No. 3 tahun 1991*] setelah diluluskan oleh Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak menurut subseksyen 39(6) Enakmen itu adalah disiarkan menurut subseksyen 36(2) Enakmen itu:

JADUAL

AJARAN ASMAUL HUSNA YANG DIBAWA OLEH
DR. WAN MASERI BINTI WAN MOHD

1. Ajaran yang dibawa oleh Dr. Wan Maseri binti Wan Mohd adalah menyeleweng daripada ajaran Islam berdasarkan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

2. Ajaran Asmaul Husna yang dibawa oleh Dr. Wan Maseri binti Wan Mohd hendaklah segera disekat kerana terdapat penyelewengan dan perlu dibuat pemantauan dari masa ke masa.

3. Mana-mana orang Islam adalah dilarang untuk berpegang, beramal atau terlibat dengan fahaman dan ajaran ini. Mereka yang telah mengamalkan fahaman dan ajaran ini hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan daripada Allah SWT.

4. Umat Islam juga dilarang untuk merujuk dan menyebarkan buku-buku mengenai Ajaran Asmaul Husna karangan Dr. Wan Maseri binti Wan Mohd. Beliau juga diminta menulis buku/ artikel yang menjelaskan berkaitan ajarannya yang menyeleweng.

Bertarikh 15 Jun 2023
[JMNP: C FT 351/600/59 Jld. 2]

DATO' SRI DR. HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI OSMAN
*Mufti Negeri Pahang*

## اينكمن ڤنتدبيرن اوندڠ٢ إسلام 1991
## فتوى دباوه سيكشن 36

فتوى يڠ دڤاتاكن دالم جدوال يڠ دبوات اوليه مفتي نڬري دباوه سوبسيكشن 36(1) اينكمن ڤنتدبيرن اونداڠ-اونداڠ إسلام 1991 [اينكمن نومبور3 تاهو ن 1991] ستله دلولوسكن اوليه جاوتنكواس ڤرونديڠن حكوم شرع منوروت سوبسيكشن 39(6) اينكمن ايت اداله دسياركن منوروت سوبسيكشن 36(2) اينكمن ايت:

جدوال

اجرن اسماء الحسنى يڠ دباوا اوليه دوكتور وان ماسيري بنت وان محمد

1. اجرن يڠ دباوا اوليه دوكتور وان ماسيري بنت وان محمد اداله مڽليويڠ درڤد اجرن إسلام برداسركن عقيدة اهلي السنة والجماعة.

2. اجرن اسماء الحسنى يڠ دباوا اوليه دوكتور وان ماسيري بنت وان محمد هندقله سڬرا دسكت كران ترداڤت ڤڽليويڠن دان ڤرلو دبوات ڤمنتاون دري ماس كماس.

3. مان٢ اورڠ إسلام اداله دلارڠ اونتوق برڤڬڠ، برعمل اتاو ترليبت دڠن فهمن دان اجرن اين. مريك يڠ تله مڠعملكن فهمن دان اجرن اين هندقله سڬرا برتوبة سرتا مموهون كأمڤونن درڤد الله سبحانه وتعالى.

4. اومت إسلام جوك دلارڠ اونتوق مروجوع دان مڽيباركن بوكو٢ مڠناءي اجرن اسماء الحسنى كارڠن دوكتور وان ماسيري بنت وان محمد. بلياو جوك دمينتا منوليس بوكو/ارتيكل يڠ منجلسكن بركاءيتن اجرنڽ يڠ مڽليويڠ.

برتاريخ ڤد 15 Jun 2023
[JMNP: C FT 351/600/59 Jld. 2]

داتوء سري دوكتور حاج عبد الرحمن بن حاج عثمان
مفتي نڬري ڤهڠ

**No. 1220.**

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 36

Fatwa yang dinyatakan dalam Jadual yang dibuat oleh Mufti Negeri di bawah subseksyen 36(1) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 [*Enakmen No. 3 tahun 1991*] setelah diluluskan oleh Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak menurut subseksyen 39(6) Enakmen itu adalah disiarkan menurut subseksyen 36(2) Enakmen itu:

JADUAL

AJARAN MAKRIFAT YANG DIBAWA OLEH ISMAIL BIN ARIFFIN @ LEPAT

1. Ajaran Makrifat oleh Ismail bin Ariffin @ Lepat dan ajaran-ajaran yang seumpama dengannya adalah menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar dan bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

2. Mana-mana individu atau kumpulan yang mengamal dan menyebarkan fahaman, ajaran dan pegangan seumpama ini adalah menyeleweng daripada ajaran Islam.

3. Orang Islam hertdaklah menjauhi fahaman dan ajaran ini serta dilarang berpegang dan beramal dengannya. Mana-mana orang Islam yang telah mengikut dan mengamalkan ajaran ini hendaklah bertaubat kepada Allah SWT.

4. Apa-apa publisiti, pengajaran, penulisan, penyiaran dan penerbitan bahan bercetak, audio visual atau apa-apa yang berkaitan dengan ajaran Makrifat Ismail bin Arifin @ Lepat adalah tidak dibenarkan dan perlu disiasat.

5. Umat Islam hendaklah berpegang kepada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari aspek akidah, syariah, dan tasawuf yang berdasarkan kefahaman Islam sebenar menurut pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah arus perdana umat Islam iaitu dari segi akidah berpandukan manhaj Asya'irrah dan Maturidiah, dari segi syariah berpandukan manhaj Syafii serta mazhab muktabar yang lain seperti Hanafi, Maliki, Hambali ketika diperlukan dalam menyelesaikan masalah tertentu dan dari segi tasawuf berpandukan **manhaj Islam al-Junaid, Imam al-Ghazali serta aliran tasawuf yang sahih** dan muktabar.

6. Mesyuarat menggesa agar pihak penguatkuasaan agama negeri dan agensi-agensi lain yang berkaitan supaya mengambil tindakan menyekat dan mengharamkan apa-apa kegiatan penyebaran dan penyelewengan Ajaran Makrifat oleh Ismail bin Ariffin @ Lepat termasuk penyebaran buku "Antara Ustaz Ilmu Adab Dengan Seketul Tahi" dan buku-buku lain yang mempunyai unsur-unsur penyelewengan seumpamanya daripada terus tersebar dan mengancam akidah seluruh umat Islam.

Bertarikh 15 Jun 2023
[JMNP: C FT 351/600/59 Jld. 2]

DATO' SRI DR. HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI OSMAN
*Mufti Negeri Pahang*

## اينكمن ﭬنتدبيرن اوندغ٢ إسلام 1991
## فتوى دباوه سيكشن 36

فتوى يغ دڤاتاكن دالم جدوال يغ دبوات اوليه مفتي نݢري دباوه سوبسيكشن 36(1) اينكمن ﭬنتدبيرن اونداغ-اونداغ إسلام 1991 [اينكمن نومبور3 تاهو ن 1991] ستله دلولوسكن اوليه جاوتنكواس ڤروندیغن حكوم شرع منوروت سوبسيكشن 39(6) اينكمن ايت اداله دسياركن منوروت سوبسيكشن 36(2) اينكمن ايت:

جدوال

اجرن معرفة يغ دباوا اوليه إسماعيل بن عريففين @ لڤت

1. اجرن معرفة اوليه إسماعيل بن عريفين @ لڤت دان اجرن٢ يغ سأومڤام دغنڽ اداله مڽليويغ درڤد اجرن إسلام يغ سبنر دان برچڠݢه دغن ڤݢڠن اهلي السنة والجماعة.

2. مان٢ اينديۏيدو اتاو كومڤولن يغ مڠعمل دان مڽيبركن فهمن، اجرن دان ڤݢڠن سأومڤام اين اداله مڽليويغ درڤد اجرن إسلام.

3. اورڠ إسلام هندقله منجاءوهي فهمن دان اجرن اين سرتا دلارڠ برڤݢڠ دان برعمل دغنڽ. مان٢ اورڠ إسلام يغ تله مڠيكوت دان مڠعملكن اجرن اين هندقله برتوبة كفد الله سبحانه وتعالي.

4. اڤ٢ ڤوبليسيتي، ڤڠاجرن، ڤنوليسن، ڤپارن دان ڤنربيتن باهن برچيتق، اءوديو ۏيسوال اتاو اڤ٢ يغ بركاءيتن دغن اجرن معرفة إسماعيل بن عريفين @ لڤت اداله تيدق دبنركن دان ڤرلو دسياست.

5. اومت إسلام هندقله برڤݢڠ كڤد ڤݢڠن اهلي السنة والجماعة دري اسڤيک عقيدة، شريعة دان تصوف يغ برداسركن كفهمن إسلام سبنر منوروت ڤݢڠن اهلي السنة والجماعة اروس ڤردان اومت إسلام ياءيت دري سݢي عقيدة برڤندوكن منهج أشاعرة دان ماتريدية، دري سݢي شريعة برڤندوكن منهج شافعي سرتا مذهب معتبر يغ لاءين سڤرتي حنفي، ملكي، حنبلى كتيک دڤرلوكن دالم مڽلسايكن مسئله ترتنتو دان دري سݢي تصوف برڤندوكن منهج إسلام الجنيد، امام الغزالي سرتا اليرن تصوف يغ صحيح دان معتبر.

6. مشوارت مڠݢسا اݢر ڤيهق ڤڠواتكواساءن اݢام نݢري دان اݢينسي٢ لاءين يغ بركاءيتن سوڤاي مڠمبيل تيندقن ميكت دان مڠحرامكن اڤ٢ كݢياتن ڤپيبارن دان ڤڽليويڠن اجرن معرفة اوليه اسماعيل بن عريفين @ ليڤت ترماسوق ڤپيبارن بوكو "انتارا استاذ علمو ادب دغن سكتول تاهي" دان بوكو٢ لاءين يغ ممڤوڽاءي عنصور٢ ڤڽليويڠن سأومڤاماڽ درڤد تروس ترسيبر دان مڠنچم عقيدة سلوروه اومت إسلام.

برتاريخ ڤد 15 Jun 2023
[JMNP: C FT 351/600/59 Jld. 2]

داتؤ سري دوكتور حاج عبد الرحمن بن حاج عثمان
مفتي نݢري ڤهڠ

**No. 1221.**

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 36

Fatwa yang dinyatakan dalam Jadual yang dibuat oleh Mufti Negeri di bawah subseksyen 36(1) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 [*Enakmen No. 3 tahun 1991*] setelah diluluskan oleh Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak menurut subseksyen 39(6) Enakmen itu adalah disiarkan menurut subseksyen 36(2) Enakmen itu:

JADUAL

FAHAMAN YANG DIBAWA OLEH KUMPULAN NUR MUTIARA MUTMAINNAH PIMPINAN WAYANG HADI KESUMO (HADI MINALLAH)

1. Fahaman kumpulan Nur Mutiara Mutmainnah pimpinan Wayang Hadi Kesumo (Hadi Minallah) adalah sesat, menyesatkan dan menyeleweng daripada ajaran Islam serta perlu diharamkan. Penyelewengan yang dibawa oleh Wayang Hadi Kesumo (Hadi Minallah) adalah seperti berikut:

    a. Doktrin yang bersalahan dengan akidah iaitu penyelewengan terhadap ayat al-Quran dan menolak kandungan hadis Nabi Muhammad SAW;

    b. Doktrin yang bersalahan dengan Syariah iaitu penyelewengan dalam ibadah solat, puasa, perkahwinan, konsep haiwan yang berdarah adalah najis dimakan, konsep penyucian ibadah dan selawat versi Nur Mutiara Mutmainnah; dan

    c. Doktrin yang bersalahan dengan tasawuf iaitu ajaran konsep Nur Muhammad yang salah.

2. Mana-mana orang Islam di Negeri Pahang adalah dilarang menyimpan bahan cetak, berpegang, beramal atau menyebarkan fahaman dan doktrin ini.

Bertarikh 15 Jun 2023
[JMNP: C FT 351/600/59 Jld. 2]

DATO' SRI DR. HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI OSMAN
*Mufti Negeri Pahang*

**اينكمن ڤنتدبيرن اوندڠ٢ إسلام 1991**
**فتوى دباوه سيكشن 36**

فتوى يڠ دڽاتاكن دالم جدوال يڠ دبوات اوليه مفتي نڬري دباوه سوبسيكشن 36(1) اينكمن ڤنتدبيرن اونداڠ-اونداڠ إسلام 1991 [اينكمن نومبور3 تاهو ن 1991] ستله دلولوسكن اوليه جاوتنكواس ڤرونديڠن حكوم شرع منوروت سوبسيكشن 39(6) اينكمن ايت اداله دسياركن منوروت سوبسيكشن 36(2) اينكمن ايت:

جدوال

فهمن يڠ دباوا اوليه كومڤولن نور موتيارا مطمئنة ڤيمڤينن وايڠ هادي كسومو(هادي من الله)

1. فهمن يڠ دباوا اوليه كومڤولن نور موتيارا مطمئنة ڤيمڤينن وايڠ هادي كسومو(هادي من الله) اداله سست، مڽستكن دان مڽليويڠ درڤد اجرن إسلام سرتا ڤرلو دحرامكن. ڤڽليويڠن يڠ دباوا اوليه وايڠ هادي كسومو(هادي من الله) اداله سڤرتي برايكوت:

a. دوكترين يڠ برسلهن دڠن عقيدة ياءيت ڤڽليويڠن ترهادف اية القرءان دان منولق كاندوڠن حديث نبي محمد صلى الله عليه وسلم؛

b. دوكترين يڠ برسلهن دڠن شريعة ياءيت ڤڽليويڠن دالم عبادة صلاة، ڤواسا، ڤركهوينن، كونسيڤ حيوان يڠ برداره اداله نجيس دماكن، كونسيڤ ڤپوچين عبادة دان صلوات ۏرسي نور موتيارا مطمئنة؛ دان

c. دوكترين يڠ برسلهن دڠن تصوف ياءيت اجرن كونسيڤ نور محمد يڠ ساله.

2. مان٢ اورڠ إسلام دنڬري ڤهڠ اداله دلارڠ مپيمڤن باهن چيتق، برڤڠڠ، برعمل اتاو مپيبركن فهمن دان دوكترين اين.

برتاريخ ڤد 15 Jun 2023
[JMNP: C FT 351/600/59 Jld. 2]

داتوٴ سري دوكتور حاج عبد الرحمن بن حاج عثمان
مفتي نڬري ڤهڠ

**No. 1222.**

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 36

Fatwa yang dinyatakan dalam Jadual yang dibuat oleh Mufti Negeri di bawah subseksyen 36(1) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 [*Enakmen No. 3 tahun 1991*] setelah diluluskan oleh Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak menurut subseksyen 39(6) Enakmen itu adalah disiarkan menurut subseksyen 36(2) Enakmen itu:

JADUAL

AJARAN YANG DIBAWA OLEH IRWAN BIN ALIAS MELALUI PERTUBUHAN, SYARIKAT DAN ENTITI YANG BERKAITAN DENGANNYA

1. Ajaran yang dibawa oleh Irwan bin Alias melalui Dewan Perkasa Ekonomi Islam Nusantara adalah sesat, menyesatkan dan menyeleweng daripada ajaran Islam serta perlu diharamkan kerana:

   i. Menambah atau mengubah dua kalimah Syahadah dengan menyuruh pengikut mengaku bahawa Muhammad itu adalah diri kita;

ii. Mengadakan majlis zikir yang bercampur antara lelaki dan perempuan di tengah malam;

iii. Menyelewengkan konsep tajalli di mana Irwan bin Alias mengajar konsep Wahdatul Wujud atau menunggaling Kawula Gusti (menyatunya antara tuhan dengan makhluk) iaitu Allah bertajalli di dalam diri; dan

iii. Dari sudut keselamatan negara, Irwan bin Alias ini ada berunding untuk mendapatkan bekalan senjata bagi kegunaan tentera akhir zaman.

2. Mana-mana orang Islam di Negeri Pahang adalah dilarang menyimpan bahan cetak, berpegang, beramal atau menyebarkan fahaman dan doktrin ini.

Bertarikh 15 Jun 2023
[JMNP: C FT 351/600/59 Jld. 2]

DATO' SRI DR. HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI OSMAN
*Mufti Negeri Pahang*

**اينكمن ڤنتدبيرن اوندڠ٢ إسلام 1991**
**فتوى دباوه سيكشن 36**

فتوى يڠ دڤاتاكن دالم جدوال يڠ دبوات اوليه مفتي نڬري دباوه سوبسيكشن 36(1) اينكمن ڤنتدبيرن اونداڠ-اونداڠ إسلام 1991 [اينكمن نومبور3 تاهو ن 1991] ستله دلولوسكن اوليه جاوتنكواس ڤروندينڠن حكوم شرع منوروت سوبسيكشن 39(6) اينكمن ايت اداله دسياركن منوروت سوبسيكشن 36(2) اينكمن ايت:

جدوال

اجرن يڠ دباوا اوليه ايرون بن الياس ملالوءي ڤرتوبوهن، شريکت دان اينتيتي
يڠ برکاءيتن دڠنڽ

1. اجران يڠ دباوا اوليه ايرون بن الياس ملالوءي ديوان ڤركاس ايكونومي إسلام نوسنتارا اداله سست، مڽستكن دان مڽليويڠ درڤد اجرن إسلام سرتا ڤرلو دحرامكن كران:

i. منمبه اتاو مڠوبه دوا كلمة شهادة دڠن مڽوروه ڤڠيكوت مڠاكو بهاوا محمد ايت اداله ديري كيت؛

ii. مڠاداكن مجليس ذيكير يڠ برچمڤور انتارا للاكي دان ڤرمڤوان دتڠه مالم؛

iii. مڽليويڠكن كونسيڤ تجلي دمان ايرون بن الياس مڠاجر كونسيڤ وحدة الوجود اتاو مينوڠڬاليڠ كاوولا ڬوستي (مڽاتوڽ انتارا توهن دڠن مخلوق) ياءيت الله برتجلي ددالم ديري؛ دان

iv. دري سودوت كسلامتن نڬارا، ايرون بن الياس اد برونديڠ منداڤتكن بكلن سنجات باڬي كڬوناءن تنترا اخير زمان.

2. مان٢ اورڠ إسلام دنڬري ڤهڠ اداله دلارڠ مڽيمڤن باهن چيتق، برڤڬڠ، برعمل اتاو مڽيبركن اجرن دان فهمن اين.

برتاريخ ڤد 15 Jun 2023
[JMNP: C FT 351/600/59 Jld. 2]

داتؤ سري دوكتور حاج عبد الرحمن بن حاج عثمان
مفتي نڬري ڤهڠ

NEGERI PAHANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 74
No. 1

**21hb Januari 2021**

*TAMBAHAN No. 1*
*PERUNDANGAN*

**Phg. P.U. 1.**

ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM 1991
FATWA DI BAWAH SEKSYEN 36

**اينکمن ڤنتدبيرن اوندڠ٢ إسلام 1991**
**ڤتوى دباوه سيکشن 36**

Fatwa yang dinyatakan dalam Jadual yang dibuat oleh Mufti Negeri di bawah subseksyen 36(1) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 [*Enakmen No. 3 tahun 1991*] setelah diluluskan oleh Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak menurut subseksyen 39(6) Enakmen itu adalah disiarkan menurut subseksyen 36(2) Enakmen itu:

**ڤتوى يڠ دڤاتاکن دالم جدوال يڠ دبوات اوليه مفتي نڬري دباوه سوبسيکشن 36(1) اينکمن ڤنتدبيرن اوندڠ٢ إسلام 1991 *[اينکمن نومبور 3 تاهون 1991]* ستله دلولوسکن اوليه جاوتنکواس ڤرونديڠن حکوم شرع منوروت سوبسيکشن 39(6) اينکمن ايت اداله دسيارکن منوروت سوبسيکشن 36(2) اينکمن ايت :**

JADUAL

FATWA MENGENAI AJARAN YUSOF CHE WOK
YANG DISEBARKAN OLEH HAJI SHAARI MOHD YUSOF

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang Bil. 4/2014 pada 14 November 2014 telah membincangkan mengenai ajaran Yusof Che Wok yang disebarkan oleh Haji Shaari Mohd Yusof dan memutuskan seperti yang berikut:

(1) setelah meneliti fakta-fakta dan hujah-hujah yang dikemukakan, Mesyuarat mendapati bahawa ajaran Ilmu Makrifat (Mengenal Allah/Diri) yang disebarkan oleh Haji Shaari bin Mohd Yusof melalui buku "Mengenal Allah Ilmu Peninggalan Tok Kenali" ceramah-ceramah yang disampaikan, DVD siri ceramah dan laman sesawang yang digunakan untuk menyebarkan ajarannya mengandungi perkara-perkara yang mengelirukan dan menyeleweng sepertimana yang berikut:

*(a)* bertentangan dengan fakta sejarah

Dakwaan ilmu yang diperolehi adalah peninggalan ilmu Syeikh Daud al-Fatani yang diwarisi oleh dua ulama terkenal iaitu Tok Kenali dan Tok Selebang adalah satu pembohongan, kerana kedua-dua ulama tersebut tidak sempat berguru dengan Syeikh Daud al-Fatani yang meninggal pada tahun 1846 iaitu lebih 22 tahun sebelum kelahiran kedua-dua ulama tersebut.

*(b)* membawa fahaman Mujassimah, Jabariyyah dan Muktazilah

Jumhur Ulama telah bersepakat bahawa fahaman ini adalah bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

*(c)* membawa fahaman liberal dan pluralisme agama

Fahaman ini juga didapati menyeleweng dari aspek akidah dan syariah sepertimana telah diputuskan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali ke-74 yang bersidang pada 25-27 Julai 2006.

*(d)* membawa fahaman Wahdatul Wujud

Doktrin Wahdatul Wujud adalah menyeleweng dari pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah

*(e)* mentafsir nas-nas agama seperti Al-Quran dan Hadis mengikut logik akal dan tidak merujuk kitab-kitab muktabar.

(2) Sehubungan dengan itu, Mesyuarat bersetuju memutuskan bahawa ajaran Ilmu Makrifat (Mengenal Allah/Diri) yang dibawa oleh Haji Shaari bin Mohd Yusof adalah sesat dan menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar berlandaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

(3) Oleh itu, semua bentuk pengajaran, penerbitan dan pengedaran bahan-bahan ajaran melalui apa jua medium hendaklah dihentikan dan diharamkan serta-merta.

(4) Mesyuarat juga menggesa semua pihak berkuasa agama negeri serta agensi-agensi lain yang berkaitan supaya mengambil tindakan segera menyekat kegiatan dan penyelewengan ajaran Ilmu Makrifat ini.

جدوال

**فتوى مڠناءي اجرن يوسف چيق ووق يڠ دسيبركن اوليه حاج شعري محمد يوسف**

مشوارت جاوتنكواس خاص ڤرونديڠن حكوم شرع نڬري ڤهڠ بيلاڠن 2014/4 ڤد 14 نوۏمبر 2014 تله ممبينچڠكن مڠناءي اجرن يوسف چيق ووق يڠ دسيبركن اوليه حاج شعري محمد يوسف دان ممو توسكن سڤرتي يڠ برايكوت:

(١) ستله منليتي فكتا٢ دان حجه٢ يڠ دكموكاكن، مشوارت منداڤتي بهاوا اجرن علمو معرفة (مڠنل الله/ديري) يڠ دسيبركن اوليه حاج شعري بن محمد يوسف ملالوءي بوكو "مڠنل الله علمو ڤنيڠكلن توک كنالي"، چرامه٢ يڠ دسمڤايكن، سيري چرامه دان لامن سساوڠ يڠ دڬوناكن اونتوق ميبيركن اجرنڽ DVD مڠندوڠي ڤركارا٢ يڠ مڠليروكن دان مڽليويڠ سڤرتي مان يڠ برايكوت :

**(ا) برتنتڠن دڠن فكتا سجاره**

دعواءن علمو يڠ دڤراوليهي اداله ڤنيڠكلن علمو شيخ داود الفطاني يڠ دواريثي اوليه دوا علماء تركنل، ياءيت توق كنالي دان توق سليبڠ اداله ساتو ڤمبوهوڠن، كران كدوا٢ علماء ترسبوت تيدق سمڤت بركورو دڠن شيخ داود الفطاني يڠ منيڠكل ڤد تاهون 1846، ياءيت لبيه 22 تاهون سبلوم كلاهيرن كدوا٢ علماء ترسبوت.

**(ب) ممباوا فهمن مُجَسِّمَة، جَبارِيَّة دان معتزلة**

جمهور علماء تله برسڤاكت بهاوا فهمن اين اداله برتنتڠن دڠن عقيدة اهلي السنة والجماعة.

**(ت) ممباوا فهمن ليبرل دان ڤلوراليسمى اڬام**

فهمن اين جوڬ دداڤتي مڽليويڠ دري اسڤيک عقيدة دان شريعة سڤرتي مان تله دڤوتوسكن دالم مذاكره جاوتنكواس فتوى مجليس كبڠساءن باڬي حال احول اڬام إسلام مليسيا كالي كـ-74 يڠ برسيدڠ ڤد 25-27 جولاي 2006.

**(ث) ممباوا فهمن وحدة الوجود**

دوكترين وحدة الوجود اداله مڽليويڠ داري ڤڬاڠن اهلي السنة والجماعة.

(ج) منتفسير نص٢ اڬام سڤرتي القرءان دان حديث مڠيكوت لوݢيک عقل دان تيدق مروجوع دڠن كتاب٢ معتبر.

٢. سهوبوڠن دڠن ايت، مشوارت برستوجو مموتوسكن بهاوا اجرن علمو معرفة (مڠنل الله/ديري) يڠ دباوا اوليه حاج شعري بن محمد يوسف اداله سست دان مڽليويڠ دري اجرن إسلام يڠ سبنر برلندسكن ڤڬاڠن اهلي السنة والجماعة.

٣. اوليه ايت، سموا بنتوق ڤڠاجرن ، ڤنربيتن دان ڤڠيدارن باهن٢ اجرن ملالوءي اڤ جوا ميديوم هندقله دهنتيكن دان دحرامكن سرتا مرتا.

٤. مشوارت جوݢ مڠݢسا سموا ڤيهق بركواس اڬام نݢري سرتا اݢينسي٢ لاءين يڠ بركاءيتن سوڤاي مڠمبيل تيندقن سݢرا مڽكت ككياتن دان ڤڽليويڠن اجرن علمو معرفة اين.

Bertarikh 22 Disember 2020
[JMNP:CFT(S)351/1/4/-2014/ PUN.Phg. D/100/29/16/2 Jld. 1]

DATO' SRI DR. HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI OSMAN
*Mufti Negeri Pahang*
داتوؤ سري دوكتور حاج عبد الرحمن بن حاج عثمان
مفتي نݢري ڤهڠ

**Hakcipta Pencetak** (H)
**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**

PNMB
DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA

NEGERI PAHANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

**Jil. 71** **1hb Februari 2018** **No. 3**

**No. 119.**

AKTA ACARA KEWANGAN 1957
(Akta 61)

FINANCIAL PROCEDURE ACT 1957
(Act 61)

ARAHAN PERBENDAHARAAN

TREASURY INSTRUCTIONS

PEMBERITAHUAN DI BAWAH ARAHAN 162

NOTIFICATION UNDER INSTRUCTION 162

Menurut peruntukan arahan 162 Arahan Perbendaharaan, adalah diberitahu bahawa orang-orang yang dinamakan dalam ruang (3) Jadual diminta menuntut deposit mereka, daripada Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Pahang sebanyak yang dinyatakan dalam ruang (7) Jadual. Jika deposit itu tidak dituntut dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pemberitahuan ini disiarkan, deposit tersebut akan dikreditkan kepada Hasil Kerajaan Negeri.

Pursuant to the provisions of instruction 162 of the Treasury Instructions, it is notified that the persons named in column (3) of the Schedule are requested to claim their deposits, which have remained unclaimed from the Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Pahang for the amount specified in column (7) of the Schedule. If the deposits are not claimed within three (3) months from the date of publication of this notification, such deposits will be credited to the State Government Revenue.

JADUAL

KEPUTUSAN FATWA BERKAITAN PERTUBUHAN RAHMATAN LIL ALAMIN (PERAHMAT)

Mesyuarat bersetuju memutuskan bahawa apa-apa ajaran dan ilmu yang berkaitan dengan Islam seperti Ilmu Syahadah dan Zikir Nafas yang dibawa oleh Ismail bin Kassim atau pengikutnya serta Pertubuhan Rahmatan Lil Alamin (PERAHMAT) atau apa-apa pertubuhan yang berkaitan dengan ajaran ini adalah menyeleweng dan bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Oleh itu ajaran ini tidak dibenarkan untuk diamal dan disebarkan dalam Negeri Pahang.

جدوال

كفوتوسن فتوى بركاءيتن فرتوبوهن رحمة للعالمين (فرحمة)

مشوارت برستوجو مموتوسكن بهاوا افا-افا اجرن دان علمو يغ بركاءيتن دغن إسلام سڤرتي علمو شهادة دان ذيكير نفس يغ دباوا اوليه إسماعيل بن قاسيم اتاو ڤڠيكوتڽ سرتا فرتوبوهن رحمة للعالمين (فرحمة) اتو افا-افا ڤرتوبوهن يغ بركاءيتن دغن اجرن اين اداله ميليويڠ دان برتنتاڠن دغن عقيدة أهلي السنة والجماعة. اوليه ايت اجرن اين تيدق دبنركن اونتوق دعمل دان دسيبركن دالم نݢري ڤهڠ.

Bertarikh pada 6 Oktober 2017
برتاريخ ڤد 6 اوكتوبر 2017
[JMNP: C FT/351/600/59/PUN.Phg.D/100/29/16/2]

DATO' SRI DR. HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI OSMAN
*Mufti Negeri Pahang*
داتوْ سري دوكتور حاج عبدالرحمن بن حاج عثمان
مفتي نݢري ڤهڠ

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE
(Act 56 of 1965)

**No. 122.**

[Subsekyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 9123 meter persegi, yang dikenali sebagai Lot 16251, Mukim Semantan, Daerah Temerloh yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.*A*. 135254 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud

NEGERI PAHANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

| Jil. 70<br>No. 6 | **16hb Mac 2017** | *TAMBAHAN No. 5*<br>*PERUNDANGAN* |
|---|---|---|

**Phg. P.U. 10.**

## ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM 1991

### FATWA DI BAWAH SEKSYEN 36

**اينكمن ڤنتدبيرن أونداڠ٢ إسلام 1991**
**فتوى دباوه سيكشن 36**

FATWA yang dinyatakan dalam Jadual yang dibuat oleh Mufti Negeri di bawah subseksyen 36(1) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 [*Enakmen No. 3 tahun 1991*] setelah diluluskan oleh Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak menurut subseksyen 39(6) Enakmen itu adalah disiarkan menurut subseksyen 36(2) Enakmen itu:

فتوى يڠ دڽاتاكن دالم جدوال يڠ دبوات اوليه مفتي نڬري دباوه سوبسيكشن 36(1) اينكمن ڤنتدبيرن اونداڠ٢ إسلام 1991 *[اينكمن نومبور 3 تاهون 1991]* ستله دلولوسكن اوليه جاوتنكواس ڤرونديڠن حكوم شرع منوروت سوبسيكشن 39(6) اينكمن ايت اداله دسياركن منوروت سوبسيكشن 36(2) اينكمن ايت:

JADUAL

**Hukum mengamalkan aurad Sheikh Ahmad At-Tijani dan kemuktabaran Tarekat At-Tijani**

Tarekat At-Tijani dibenarkan untuk diamalkan di Negeri Pahang dengan syarat aurad tersebut diterima daripada guru mursyid yang bertauliah.

جدوال

**حکوم مڠعملکن اورد شيخ احمد التجاني دان کمعتبرن طريقة التجاني**

طريقة التجاني دبنرکن اونتوق دعملکن دنݢري ڤهڠ دڠن شرط اورد ترسبوت دتريما درفد ݢورو مرشد يڠ برتوليه.

Bertarikh 7 Mac 2017

7 Mac 2017 برتاريخ ڤد

[JMNP: C FT/351/600/59(27)]

DATO' SRI DR. HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI OSMAN
*Mufti Negeri Pahang*

داتو سري دوکتور حاج عبد الرحمن بن حاج عثمان
مفتي نݢري ڤهڠ

Hakcipta Pencetak (H)
**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**

PNMB
DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA

10


NEGERI PAHANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

**Jil. 70** **19hb Januari 2017** **No. 2**


AKTA ACARA KEWANGAN 1957

FINANCIAL PROCEDURE ACT 1957

No. 52.

ARAHAN PERBENDAHARAAN

TREASURY INSTRUCTIONS

PEMBERITAHUAN DI BAWAH ARAHAN 162

NOTIFICATION UNDER INSTRUCTION 162

Menurut peruntukan-peruntukan arahan 162 Arahan Perbendaharaan, adalah diberitahu bahawa orang-orang yang dinamakan dalam ruangan (1) Jadual diminta menuntut kembali deposit mereka, yang masih tidak dituntut selama lebih daripada dua belas bulan, daripada Jabatan Perhutanan Negeri Pahang sebanyak yang dinyatakan dalam ruangan (3) Jadual. Jika deposit itu tidak dituntut dalam tiga bulan dari tarikh pemberitahuan ini disiarkan, deposit tersebut akan dikreditkan kepada Hasil Kerajaan Negeri.

Pursuant to provisions of instruction 162 of the Treasury Instruction, it is notified that the person named in column (1) of the Schedule are requested to claim theirs deposits, which have remained unclaimed for more than twelve months, from Jabatan Perhutanan Negeri Pahang for amount specified in column (3) of the Schedule. If the deposit are not claimed within three months from the date of publication of this notification, such deposits will be credited to the State Government Revenue.

JADUAL/*SCHEDULE*

| Bil./ *No.* | (1) Nama/ *Name* | (2) No. Lesen/ *Licence No.* | (3) Amaun/ *Amount* (RM) |
|---|---|---|---|
| 1. | Yayasan Pahang | KT 05/85 | 20,513.69 |
| 2. | Amanah Saham Pahang Berhad | PP 8-76 | 5,000.00 |
| 3. | Syarikat Jengka Sdn. Bhd. | JT 02/77 | 15,324.32 |
| 4. | Amanah Saham Pahang Berhad | JT 14/78 | 22,875.00 |
| 5. | Syarikat Jengka Sdn. Bhd. | JT 03/78 | 1,462.67 |
| 6. | Amanah Saham Pahang Berhad | JT 06/78 | 7,603.55 |
| 7. | Amanah Saham Pahang Berhad | JT 013/78 | 25,935.85 |
| 8. | Syarikat Jengka Sdn. Bhd. | JT 04/79 | 528.00 |
| 9. | Syarikat Jengka Sdn. Bhd. | JT 01/81 | 245.04 |
| 10. | Syarikat Jengka Sdn. Bhd. | JT 02/81 | 8,818.14 |
| 11. | M/S Guttas & Resins Sdn. Bhd. | J 1/74 | 5,000.00 |
| 12. | Syarikat Jengka Sdn. Bhd. | PP 2-87 | 2,140.00 |
| 13. | Amanah Saham Pahang Berhad | RBT 02-80 | 7,721.15 |
| 14. | LKNP | RT 44/76 | 4,276.88 |
| 15. | LKNP | RT 44/76 | 4,276.88 |
| 16. | KDYMM Sultan Hj. Ahmad Shah | RT 080/77 | 15,000.54 |
| 17. | LKNP | RUT 25/78 | 7,334.62 |
| 18. | Lesong Forest Products | RUT 034/78 | 30.00 |
| 19. | LKNP | RUT 3/78 | 0.20 |
| 20. | Lesong Forest Products | RST 012/80 | 15,202.55 |
| 21. | LKNP | RUT 12/81 | 28,495.92 |
| 22. | LKNP | RUT 31/81 | 19,715.21 |
| 23. | LKNP | RUT 19/82 | 13,923.50 |
| 24. | Mentiga Forest Products | RT 10/84 | 14,869.93 |
| 25. | Lesong Forest Products | RT 04/84 | 13,332.70 |
| 26. | Lesong Forest Products | RT 010/86 | 847.60 |
| 27. | Lesong Forest Products | RT 010/87 | 3,513.26 |
| 28. | Amanah Saham Pahang Berhad | RR 09/88 | 303.00 |
| 29. | Amanah Saham Pahang Berhad | RR 1/88 | 403.00 |

Bertarikh 23 November 2016

Dated 23 November 2016

[PHN.Phg. 400-3/18] DATO' INDERA HAJI MOHD PAIZ BIN KAMARUZAMAN

*Pengarah Perhutanan Negeri Pahang/*

*Director of the State Forestry of Pahang*

ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM 1991

**اينكمن ڤنتدبيرن اونداڠ-اونداڠ إسلام 1991**

**No. 53.**

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 36

**فتوى دباوه سيكشن 36**

Pembetulan / ڤمبتولن

Dalam Pemberitahuan *Warta* No. 1151 yang disiarkan pada 4 Ogos 2016, bagi tulisan jawi gantikan dengan Jadual berikut—

**جدوال**

1. اجرن ملة ابرهام @ إبراهيم اداله حرام كران مپليويڠ دان برتنتاڠن دڠن ڤڬڠن أهلي السنة والجماعة دري سڬي عقيدة دان شريعة.

2. دلارڠ مان٢ اورڠ إسلام د نڬري ڤهڠ دري برڤڬڠ دان مڠعملكن سبارڠ اجرن دان دوكترين ملة أبرهام @ إبراهيم.

3. مان٢ اورڠ إسلام دلارڠ مميليكي، مپيمڤن، منچيتق، منجوال اتاو مڠيدر فيلم، راقمن أوديو، بوكو، مجله اتاو اڤ٢ تربيتن، رساله اتاو اڤ٢ دوكومن، مڠڬوناكن سبارڠ بنتوق لامبڠ، راجه اتاو تندا٢يڠ بوليه دكايتكن دڠن اجرن دان فهمن ترسبوت.

[M.U.I.Phg. 100/101/43-37 Jld. 2]

**No. 54.**

Pembetulan / فمبتولن

Dalam Pemberitahuan *Warta* No. 1152 yang disiarkan pada 4 Ogos 2016, bagi tulisan jawi gantikan dengan Jadual berikut—

جدوال

فتوى مناغلي عملن٢ خلافيه يڠ ددعوا سباڬاي بدعة ضلالة (سست)

عملن٢ خلافيه يڠ دتريما دان دعملكن اوليه اومت إسلام د نڬري ڤهڠ دارالمعمور سجق دهولو تيدق بوليه دحكومكن سباڬاي بدعة ضلالة ( سست) . عملن٢ خلافيه اين تله دفتواكن اوليه جمهور علماء دڠن بردليلكن حكوم شرع سواجرڽ منجادي ايکوتن اومت إسلام د نڬري اين.

دانتارا عملن٢ يڠ تيدق بوليه دحكومكن سباڬاي بدعة ضلالة (سست) اداله :

1. ممباچ سورة يس فد مالم جمعة؛
2. ممباچ تلقين اونتوق سيماتي؛
3. مڠاداكن كندوري ارواح دڠن ممباچ سورة يس دان برتهليل؛
4. مڠاداكن سمبوتن مولد الرسول/ إسراء دان معراج / مع الهجرة؛
5. ممباچ سورة يس 3 كالي د مالم نصف شعبان؛
6. بردعا براماي-راماي سلڤس صلاة برجماعه؛
7. ممباچ ورد دان ذيكير سچارا قوات/ پاريڠ براماي-راماي سلڤس صلاة فرض؛
8. ممباچ 'بسمله' سچارا قوات/ پاريڠ دالم صلاة فرض؛
9. مپبوت لفظ 'أصلي' دالم نية صلاة؛
10. ممباچ قنوت دالم صلاة صبح؛
11. برسلامن سلڤس صلاة برجماعه؛
12. صلاة سنة سبلوم صلاة مغرب؛
13. صلاة سنة سبلوم جمعة؛
14. تربطل وضوء دڠن سبب برسنتوهن للاكي دڠن ڤرمڤوان يڠ هاروس دكهويني؛
15. بيلڠن ركعة باڬي صلاة سنة تراويح 20 ركعة؛
16. مپاڤو موك سلڤس ممبري سلام؛
17. كونسيڤ ڤڠعملن حديث ضعيف؛
18. مپبوتكن ڤركتأن 'سيدنا' دالم صلاة؛
19. صدقه باچأن 'الفاتحة' اتاو ممباچ القرءان كڤد سيماتي؛
20. زياره قبور ڤد هاري راي؛
21. باچأن دعا اول دان اخير تاهون هجرة؛
22. صلاة حاجة سچارا برجماعه؛
23. باچأن صلوات سچارا پاريڠ كتيك صلاة تراويح؛
24. مڠڠرقكن جاري تلونجوق هاڽ سكالي كتيك تحيات؛
26. ملتقكن تاڠن سوقتو قيام دباوه دادا سوقتو صلاة؛
27. ممڤلاجري توحيد اليرن الأشاعره دان الماتريديه سڤرتي بلاجر صفة دوا ڤولوه دان منتأويل ايات متشابهات؛ دان
28. عملن خلافيه لاءين يڠ دتريما دان دعملكن تيدق برچڠݢه دڠن حكوم شرع.

[M.U.I.Phg. 100/101/43-32]

**ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM 1991**
**FATWA DI BAWAH SEKSYEN 36**

اينكمن ڤنتدبيرن أوندڠ٢ إسلام 1991

فتوى دباوه سيكشن 36

Pembetulan / ڤمبتولن

Dalam Pemberitahuan *Warta* No. 1151 yang disiarkan pada 4 Ogos 2016, bagi tulisan jawi gantikan dengan Jadual berikut –

جدوال

1. اجرن ملة أبرهام @ إبراهيم اداله حرام كران مپليويڠ دان برتنتڠن دڠن ڤڬڠن أهلي السنة والجماعة دري سڬي عقيدة دان شريعة.

2. دلارڠ مان٢ اورڠ إسلام دنكري ڤهڠ دري برڤڬڠ دان مڠعملكن سبارڠ أجرن دان دوكترين ملة أبرهام @ إبراهيم.

3. مان٢ اورڠ إسلام دلارڠ مميليكي، ميمڤن، منچيتق، منجوال اتاو مڠيدر فيلم، راقمن أوديو، بوكو، مجله اتاو اڤ٢ تربيتن، رساله اتاو اڤ٢ دوكومن، مڠڬوناكن سبارڠ بنتوق لامبڠ، راجه اتاو تندا٢ يڠ بوليه دكاءيتكن دڠن اجرن دان فهمن ترسبوت.

[M.U.I.PHG : 100/101/43-37 JLD 2]

**ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM 1991**
**FATWA DI BAWAH SEKSYEN 36**

اينكمن ڤنتدبيرن أوندغ٢ إسلام 1991

فتوى دباوه سيكشن 36

Pembetulan / ڤمبتولن

Dalam Pemberitahuan *Warta* No. 1152 yang disiarkan pada 4 Ogos 2016, bagi tulisan jawi gantikan dengan Jadual berikut –

جدوال

فتوى مناٴغني عملن٢ خلافيه يغ ددعوا سباکاي بدعة ضلالة (سست)

عملن٢ خلافيه يغ دتريما دان دعملكن اوليه اومت إسلام دنكري ڤهڠ دار المعمور سجق دهولو تيدق بوليه دحكومكن سباكاي بدعه ضلاله (سست). عملن٢ خلافيه اين تله دفتواكن اوليه جمهور علماء دڠن بردليلكن حكوم شرع سواجرڽ منجادي ايكوتن اومت إسلام دنكري اين.

دانتارا عملن٢ يغ تيدق بوليه دحكومكن سباكاي بدعة ضلالة (سست) اداله :

1. ممباچ سورة يسٓ ڤد مالم جمعة.
2. ممباچ تلقين اونتوق سيماتي.
3. مغاداكن كندوري ارواح دڠن ممباچ سورة يسٓ دان برتهليل.
4. مغاداكن سمبوتن مولد الرسول / إسراء دان معراج / مع الهجره.
5. ممباچ سورة يسٓ 3 كالي دمالم نصف شعبان.
6. بردعا براماي٢ سلڤس صلاة برجماعه.
7. ممباچ ورد دان ذيكير سچارا قوات / ڽاريڠ براماي٢ سلڤس صلاة فرض.
8. ممباچ 'بسمله' سچارا قوات / ڽاريڠ دالم صلاة فرض.
9. مڽبوت لفظ 'أصلي' دالم نية صلاة.
10. ممباچ قنوت دالم صلاة صبح.
11. برسلامن سلڤس صلاة برجماعه.

12. صلاة سنة سبلوم صلاة مغرب.

13. صلاة سنة سبلوم صلاة جمعة.

14. تربطل وضوء دغن سبب برسنتوهن للاكي دغن ڤرمڤوان يڠ هاروس دكهويني.

15. بيلڠن ركعة باكي صلاة تراويح 20 ركعة.

16. مپاڤو موك سلڤس ممبري سلام.

17. كونسيف ڤڠعملن حديث ضعيف.

18. مپبوتكن ڤركتأن 'سيدنا' دالم صلاة.

19. صدقه باچأن 'الفاتحة' اتاو ممباچ القرءان كڤد سيماتي.

20. زياره قبور ڤد هاري راي.

21. باچأن دعاء اول دان اخير تاهون هجره.

22. صلاة حاجة سچارا برجماعه.

23. باچأن صلوات سچارا باريڠ كتيك صلاة تراويح.

24. مڠݢرقكن جاري تلونجوق هاڽ سكالي كتيك تحيات.

25. ملتقكن تاڠن سوقتو قيام دباوه دادا سوقتو صلاة.

26. ممقلاجري توحيد اليرن الأشاعرة دان الماتريدية سڤرتي بلاجر صفة دوا ڤولوه دان منتأويل ايات٢ متشابهات، دان

27. عملن خلافيه لاءين يڠ دتريما دان دعملكن تيدق برچڠݢه دغن حكوم شرع.

[M.U.I.PHG : 100/101/43-32]

NEGERI PAHANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 67
No. 3

**30hb Januari 2014**

*TAMBAHAN No. 2*
*PERUNDANGAN*

**Phg. P.U. 2.**

ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM 1991

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 36

اينكمن ڤنتدبيرن اونداڠ-اونداڠ إسلام 1991
فتوى دبواه سيكشن 36

Fatwa yang dinyatakan dalam Jadual yang dibuat oleh Mufti Negeri di bawah subseksyen 36(1) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 [*Enakmen No. 3 tahun 1991*] setelah diluluskan oleh Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak menurut subseksyen 39(6) Enakmen itu adalah disiarkan menurut subseksyen 36(2) Enakmen itu:

فتوى يڠ دڽاتاكن دالم جدوال يڠ دبوات اوليه مفتي نڬري دبواه سوبسيكشن 36 (1) اينكمن ڤنتدبيرن اونداڠ-اونداڠ إسلام 1991 [*اينكمن نومبور 3 تاهون 1991*] ستله دلولوسكن اوليه جاوتنكواس ڤرونديڠن حكوم شرع منوروت سوبسيكشن 39 (6) اينكمن ايت اداله دسياركن منوروت سوبسيكشن 36 (2) اينكمن ايت:

JADUAL/جدوال

AJARAN HARUN BIN MAT SAAT

Ajaran Harun bin Mat Saat adalah menyeleweng dan bertentangan dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Mana-mana orang yang mengikut ajaran tersebut adalah menyeleweng dan sesat. Dilarang sebarang penyebaran ajaran tersebut dalam sebarang bentuk, versi dan variasi pada apa-apa bahan, sama ada bahan cetak atau media elektronik atau selainnya atau melalui apa-apa jua media.

اجرن هارون بن مت ساعت

اجرن هارون بن مت ساعت اداله ميليويڠ دان برتنتاڠن دڠن عقيدة اهل السنة والجماعة. مان-مان اورڠ يڠ مڠيكوت اجرن ترسبوت اداله ميليويڠ دان سست. دلارڠ سبارڠ ڤيبارن اجرن ترسبوت دالم سبارڠ بنتوق، ۏارسي دان ۏارياسي ڤد اڤ-اڤ باهن، سام ادا باهن چيتق اتاو ميديا ايليكترونيك اتاو سلاءينث اتاو ملالوءي اڤ-اڤ جوا ميديا.

PENGGUNAAN "BUKU TEKS MAHA GRADUAN" TERBITAN PUSAT LATIHAN TUHAN MASA HADAPAN (PLTMH)

"Buku Teks Maha Graduan" adalah bertentangan dengan hukum syarak dan bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Kandungan buku tersebut adalah menyeleweng dan boleh menyesatkan.

Oleh yang demikian—

(1) mana-mana orang atau kumpulan orang yang berpegang kepada ajaran dan fahaman yang terkandung dalam buku "Buku Teks Maha Graduan" adalah menyeleweng dan bertentangan dengan hukum syarak;

(2) mana-mana orang Islam adalah dilarang—

(a) mengajar, mempelajari, mengamalkan, berpegang kepada atau menyebarkan ajaran dan fahaman yang terkandung dalam "Buku Teks Maha Graduan";

(b) mencetak, menerbit, memiliki, menyiarkan, menyebarkan atau mengedarkan "Buku Teks Maha Graduan" atau mana-mana bahagiannya, termasuk—

(i) apa-apa bentuk, versi atau variasinya;

(ii) apa-apa terjemahannya dalam apa-apa jua bahasa;

(iii) apa-apa bahan publisiti yang bertujuan memberikan publisiti kepada "Buku Teks Maha Graduan" pada apa-apa bahan, sama ada bahan cetak atau media elektronik atau selainnya atau melalui apa-apa jua media;

(c) mengembangkan ajaran "Buku Teks Maha Graduan"; dan

(d) menjalankan sebarang kegiatan yang berkaitan dengan pengajaran, penyebaran atau membantu ke arah penyebaran ajaran dan fahaman yang terkandung dalam "Buku Teks Maha Graduan".

ڤڠݢونأن "بوكو تيكس مها ݢرادوان"
تربيتن فوست لاتيهن توهن ماس هادڤن (في ايل تي عيم ايه )

"بوكو تيكس مها ݢرادوان" اداله برتنتاڠن دڠن حكوم شرع دان برچڠڠه دڠن عقيدة اهل السنة والجماعة. كندوڠن بوكو ترسبوت اداله ميليويڠ دان بوليه ميستكن.

اوليه يڠ دميكين

(1) مان-مان اورڠ اتاو كومفولن اورڠ يڠ برفڬڠ كڤد اجرن دان فهمن يڠ تركندوڠ دالم "بوكو تيكس مها ݢرادوان" اداله ميليويڠ دان برتنتاڠن دڠن حكوم شرع؛

(2) مان- مان اورڠ إسلام اداله دلارڠ —

(a) مڠاجر، ممڤلاجاري، مڠعملكن، برڤڮڠ كڤد اتاو مڽيبركن اجرن دان فهمن يڠ تركندوڠ دالم "بوكو تيكس مها ݢرادوان"؛

(b) منچيتق، منربيت، مميليكي،مڽيارکن، مڽيبركن اتاو مڠيدركن "بوكو تيكس مها ݢرادوان" اتاو مان-مان بهاڬينث، ترماسوق —

(i) اڤ-اڤ بنتوق، ۏرسي اتاو ۏارياسيث؛

(ii) اڤ-اڤ ترجماهنث دالم اڤ-اڤ جوا بهاس؛

(iii) اڤ-اڤ باهن ڤبليسيتي يڠ برتوجوان ممبريكن ڤبليسيتي كڤد كتاب "بوكو تيكس مها ݢرادوان" ڤد اڤ اڤ باهن، سام ادا باهن چيتق اتاو ميديا ايليكترونيك اتاو سلاءينث اتاو ملالوءي اڤ-اڤ جوا ميديا.

(c) مڠمبڠكن اجرن "بوكو تيكس مها ݢرادوان"؛

(d) منجالنكن سبارڠ ککياتن يڠ بركاءيتن دڠن ڤڠاجارن، ڤڽيبارن اتاو ممبنتو كأره ڤڽيبارن اجارن دان فهمن يڠ تركندوڠ دالم "بوكو تيكس مها ݢرادوان".

HUKUM MENGHISAP SHISHA MENURUT PANDANGAN SYARAK

(1) Haram menghisap shisha kerana ia mendatangkan mudarat kepada tubuh badan dan perbuatan yang membazir. Perbuatan menghisap shisha juga boleh memberikan mudarat kepada penghisap dan orang lain.

حكوم مڠهيسڤ شيشا منوروت ڤندڠن شرع

(1) حرام مڠهيسڤ شيشا كران اي منداتڠكن مضرت كڤد توبه بدان دان ڤربواتن يڠ ممباذير. ڤربواتن مڠهيسڤ شيشا جوک بوليه ممبريكن مضرت كڤد ڤڠهيسڤ دان اورڠ لاين.

Bertarikh 18 November 2013
برتاريخ ڤد 18 نوۏيمبر 2013
[M.U.I.Phg. 100/101/2-29 Jld. 4]

DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI OSMAN
*Mufti Negeri Pahang*

داتوؤ حاج عبد الرحمن بن حاج عثمان
مفتي نݢري ڤهڠ

Hakcipta Pencetak (H)
**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

PNMB
DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA

NEGERI PAHANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

**Jil. 66** **12hb September 2013** **No. 19**

AKTA EKSAIS 1976

(Akta 176)

**No. 1560.**

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESENAN) 1977

[P.U. (A) 155/1977]

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS DAERAH TEMERLOH

Notis adalah diberitahu bahawa Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Temerloh bagi minuman yang memabukkan akan diadakan pada 27 September 2013 (Jumaat) di Bilik Gerakan Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh, jam 3.00 petang.

2. Semua permohonan untuk lesen, pembaharuan lesen atau pindah milik lesen bagi tempoh Oktober hingga Disember 2013 hendaklah dibuat di dalam borang 'PK(LP)-01-1' yang telah ditetapkan (dalam enam salinan) dan dihantar kepada Pengerusi, Lembaga Pelesen Eksais Temerloh di alamat Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh dan mesti sampai sebelum minggu dari tarikh mesyuarat diadakan.

3. Permohonan untuk lesen baru hendaklah diiklankan atas perbelanjaan pemohon-pemohon sendiri iaitu:

(i) dengan mempamerkan satu salinan permohonan itu di bangunan/tempat di mana perniagaan itu akan dijadikan dalam tempoh sekurang-kurangnya empat (4) minggu sebelum mesyuarat diadakan; dan

**No. 1564.**

ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM 1991

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 36

اينكمن ڤنتدبيرن اونداڠ-اونداڠ إسلام 1991

فتوى دبواه سيكشن 36

Fatwa yang dinyatakan dalam Jadual yang dibuat oleh Mufti Negeri di bawah subseksyen 36(1) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 [*Enakmen No. 3 tahun 1991*] setelah diluluskan oleh Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak menurut subseksyen 39(6) Enakmen itu adalah disiarkan menurut subseksyen 36(2) Enakmen itu:

فتوى يڠ دڽاتاكن دالم جدوال يڠ دبوات اوليه مفتي نڬري دبواه سوبسيكشن 36 (1) اينكمن ڤنتدبيرن اونداڠ-اونداڠ إسلام 1991 *[اينكمن نومبور 3 تاهون 1991]* ستله دلولوسكن اوليه جاوتنكواس ڤرونديڠن حكوم شرع منوروت سوبسيكشن 39 (6) اينكمن ايت اداله دسياركن منوروت سوبسيكشن 36 (2) اينكمن ايت:

JADUAL/جدوال

LARANGAN MENGGUNAKAN PERKATAAN (KALIMAH) ALLAH ATAU LAIN-LAIN PERKATAAN DALAM AGAMA ISLAM OLEH ORANG BUKAN ISLAM

(1) Penggunaan perkataan (kalimah) Allah atau lain-lain perkataan dalam agama Islam yang dipakai oleh orang Islam dalam penulisan, pernyataan, penyebaran, percakapan dan apa-apa bentuk penerbitan sama ada di media elektronik atau media cetak oleh orang bukan Islam yang boleh mengeliru atau memesongkan akidah umat Islam sebagaimana yang termaktub dalam Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam 1989 [*Enakmen No. 5 tahun 1989*] adalah dilarang.

(2) Menggunakan perkataan (kalimah) Allah atau lain-lain perkataan di dalam Jadual Bahagian I, Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam 1989 [*Enakmen No. 5 tahun 1989*] adalah merupakan satu kesalahan yang termaktub di dalam Enakmen berkenaan.

**لارڠن مڠڬوناكن ڤركاتأن (كلمه) الله اتاو لاءين-لاءين ڤركاتأن دالم اڬام إسلام اوليه اورڠ بوكن إسلام**

1) ڤڠڬونأن ڤركاتأن (كلمه) الله اتاو لاءين-لاءين ڤركاتأن دالم اڬام إسلام يڠ دڤاكاي اوليه اورڠ إسلام دالم ڤنوليسن، ڤرڽاتأن، ڤڽيبارن، ڤرچاكڤن دان اڤ-اڤ بنتوق ڤنربيتن سماد دميديا ايليكترونيك اتاو دميديا چيتق اوليه اورڠ بوكن إسلام يڠ بوليه مڠليرو اتاو مميسوڠكن عقيدة اومت إسلام سباڬايمان ترمكتوب دالم اينكمن كاولن دان سكاتن ڤڠمبڠن اڬام-اڬام بوكن إسلام 1989 *[اينكمن نومبور 5 تاهون 1989]* اداله دلارڠ.

2) مڠڬوناكن ڤركاتأن (كلمه) الله اتاو لاءين-لاءين ڤركاتأن ددالم جدوال بهاڬيان ا، اينكمن كاولن دان سكاتن ڤڠمبڠن اڬام-اڬام بوكن إسلام 1989 *[اينكمن نومبور 5 تاهون 1989]* اداله مروڤاكن ساتو كسالهن يڠ ترمكتوب ددالم اينكمن بركنأن.

NEGERI PAHANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 70
No. 17

**17hb Ogos 2017**

*TAMBAHAN No. 13*
*PERUNDANGAN*

**Phg. P.U. 19.**

## UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG
## BAHAGIAN PERTAMA

### PERINTAH DI BAWAH FASAL (1) PERKARA 24

BETA BERSETUJU,

(Mohor Kerajaan)

TENGKU MAHKOTA TENGKU ABDULLAH AL-HAJ
IBNI SULTAN HAJI AHMAD SHAH
AL-MUSTA'IN BILLAH
*Pemangku Raja Pahang*

BAHAWASANYA Fasal (1) Perkara 24 Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang memperuntukkan bahawa Ketua Agama Negeri hendaklah Raja Pemerintah dan Raja Pemerintah, dari semasa ke semasa, boleh mengeluarkan perintah supaya diadakan bagi apa-apa undang-undang sebagaimana yang patut pada timbangan Baginda bagi maksud mengatur hal ehwal agama;

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, TENGKU MAHKOTA TENGKU ABDULLAH AL-HAJ IBNI SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH, D.K., S.S.A.P., S.I.M.P., D.K. (Terengganu), D.K. (Johor), S.P.M.J., P.A.T., Pemangku Raja bagi Negeri Pahang Darul Makmur dan semua Jajahan Takluknya DENGAN INI MEMERINTAHKAN bahawa Perintah-Perintah yang berikut dibatalkan mulai dari hari ini:

| *Bil.* | *No. Warta* | *Tarikh Warta* |
|---|---|---|
| 1. | 377/1983 | 8 Jun 1983 |
| 2. | Phg. P.U. 6/2009 | 12 Mac 2009 |

DIPERBUAT di Pekan, pada 19 Julai 2017.

## THE FIRST PART OF THE LAWS OF THE CONSTITUTION OF PAHANG

### ORDER UNDER CLAUSE (1) OF ARTICLE 24

I ASSENT,

(State Seal)

TENGKU MAHKOTA TENGKU ABDULLAH AL-HAJ
IBNI SULTAN HAJI AHMAD SHAH
AL-MUSTA'IN BILLAH
*The Regent of Pahang*

WHEREAS Clause (1) of Article 24 of the First Part of the Laws of the Constitution of Pahang provides that the Head of the Religion of the State shall be the Sovereign and the Sovereign will from to time cause such further laws to be intoduced as to him may seem fit for the purpose of regulating religious affairs;

NOW THEREFORE, WE, TENGKU MAHKOTA TENGKU ABDULLAH AL-HAJ IBNI SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH, D.K., S.S.A.P., S.I.M.P., D.K. (Terengganu), D.K. (Johor), S.P.M.J., P.A.T., The Regent of the State of Pahang Darul Makmur and all its Dependencies DO HEREBY ORDER that the following Orders are cancelled from this day:

| *No.* | *Gazette No.* | *Date of Gazette* |
|---|---|---|
| 1. | 377/1983 | 8 June 1983 |
| 2. | Phg. P.U. 6/2009 | 12 March 2009 |

GIVEN at Pekan, this 19 July 2017.

**Hakcipta Pencetak** Ⓗ
**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**

PNMB
DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA